

Refleksi ICT dalam P&P

Kesan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kesan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak memberi kesan yang positif kepada murid-murid khususnya di peringkat sekolah. Namun begitu kesan sebaliknya juga timbul. Kecekapan dan keberkesanan hasil pembelajaran menggunakan ICT sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Guru dapat membuat persiapan dan bersedia dengan lebih awal dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di mana cara ini dapat membantu guru untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan pengajaran dengan lebih baik seterusnya dapat menyampaikannya kepada pelajar secara berkesan dan efektif. Berbantuan ICT, guru-guru juga dapat menghasilkan bahan yang lebih menarik, berkesan serta interaktif contohnya penggunaan laman web melalui internet, video, powerpoint, visual, mereka hanya perlu mengaplikasikan alatan tersebut ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Semua ini akan memudahkan pihak guru dan pelajar untuk memahami topik yang dibincangkan. Beberapa manfaat ICT dalam pendidikan ialah,

1. Meningkatkan motivasi murid
2. Membolehkan pembelajaran bersendirian (individualise learning)
3. Membolehkan murid mengakses maklumat yang sukar diperolehi
4. Mewujudkan suasana pembelajaran yang mencabar dan menyeronokkan
5. Membolehkan murid mencuba atau melaksanakan sesuatu eksperimen.
6. Meningkatkan kreativiti dan imaginasi murid
7. Memberi peluang kepada murid agar dapat belajar dengan lebih berkesan dengan bimbingan yang minima.

Namun begitu, terdapat juga kesan buruk penggunaan internet antaranya ialah kesahihan maklumat yang diperolehi, maklumat atau bahan yang diperolehi perlulah ditapis terlebih dahulu, Interaksi subversif yang tidak terkawal, kegiatan jenayah yang boleh mengancam sama ada individu mahupun negara, penggodaman biasa dan mudah terjadi, manakala pelajar yang aktif dengan internet biasanya lemah fizikalnya kerana menghabiskan sebahagian masanya melayari internet dan terdedah pada iklan pornografi serta menghadapi masalah pergaulan sosial dengan rakan sebaya dan ahli keluarga.